

# Bangunan Astaka dalam perancangan di UMS

UB 8.7.2018 A12

KOTAKINABALU: Bangunan sendiri sebagai pusat latihan dan venue pertandingan dalam perancangan Persatuan Sepaktakraw Sabah (ASTAKA) menerusi kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah

(UMS).

Datuk Haji Awang Sham Amit berkata, pada dasarnya sudah ada persetujuan kedua-dua pihak berhubung perkara itu.

"Tempat pun sudah

dikenalpasti iaitu di kawasan permainan tenis Kompleks Sukan UMS. Kami hanya perlu buat penambahbaikan seperti pemasangan bumbung dan lampu untuk menepati kesesuaiananya sebagai pusat

latihan dan venue pertandingan sukan sepaktakraw.

"Perkara ini masih dalam perbincangan tetapi pada dasarnya sudah ada persetujuan dari kedua-dua pihak. Saya harap segala urusan yang perlu

dapat diselesaikan dalam tahun ini juga," kata Awang Sham.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan kejohanan Sepaktakraw Remaja Sabah 2018 di Dewan Serbaguna Luyang, dekat sini pada Sabtu.

Awang Sham berkata, mempunyai bangunan sendiri akan memudahkan untuk melaksanakan pembangunan sukan sepak takraw di negeri ini dengan lebih berkesan.

"Kalau sudah ada bangunan sendiri, tidak perlu lagi mencari dan menyewa venue untuk latihan pusat atau menganjurkan kejohanan seperti sekarang ini di mana ianya melibatkan kos yang besar.

"Sebab itu, saya berharap kerjasama dengan UMS ini akan dapat direalisasikan secepat mungkin," katanya.

Mengenai kejohanan itu, beliau berkata, ia akan menjadi salah satu medan mengetengahkan bakat pemain berpotensi disamping memantau perkembangan presasi pemain sedia ada.

"Ia juga pemanas badan yang



**AWANG** Sham (dua dari kanan) diiringi Karim (kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada salah satu pasukan wanita.

baik untuk skuad lelaki dan wanita yang akan membawa cabaran Sabah pada SUKMA (Sukan Malaysia) Ke-19 Perak 2018, September depan.

"Skuad (sepaktakraw) kita diberikan tugas besar oleh Kerajaan Negeri yang mahu pasukan wanita mengekalkan tiga pingat emas yang dimenangi pada SUKMA Ke-18 2016 Sarawak dan satu emas dari lelaki. Kami akan cuba yang terbaik untuk mengotakannya," kata Awang Sham yang juga Naib Presiden 2 Persatuan Sepaktakraw

Malaysia (PSM).

Sambil itu, pengurus penganjur, Karim Rahim yang juga Timbalan Presiden ASTAKA berkata, kejohanan remaja itu akan menjadi salah satu agenda penting dalam kalender aktiviti tahunan persatuan.

"Kejohanan ini sebenarnya sudah lama dirancang dan saya gembira kerana akhirnya ia telah terlaksana," katanya.

Kejohanan yang disertai 16 pasukan lelaki dan lima wanita berakhir hari ini. Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**



**SKUAD** SUKMA Sabah bersama Awang Sham (berdiri lima dari kanan) dan Karim (berdiri empat dari kanan).